

U B461 AAB  
MAHATHIR - AIPO  
(EMBARGO: UNTUK SIARAN SELEPAS JAM 1600 HARI INI)

(I)

KUALA LUMPUR, 22 OGOS (BERNAMA) -- PERDANA MENTERI DATUK SERI DR MAHATHIR MOHAMAD MENEGASKAN TENTANG PERLUNYA DITINGKATKAN USAHA BAGI MEMPERBAIKI PERDAGANGAN DAN PELABURAN ANTARA NEGARA ASEAN UNTUK MEMBERI GALAKAN KEPADA PERTUMBUHAN EKONOMI SERANTAU.

WALAUPUN KEBANYAKAN NEGARA ASEAN MEMPUNYAI EKONOMI YANG KOMPETITIF, TETAPI KERJASAMA SERANTAU DALAM HAL-HAL EKONOMI AMATLAH PENTING, KATA BELIAU DALAM PERUTUSAN PADA PERHIMPUNAN AGUNG KE-10 PERTUBUHAN ANTARA PARLIMEN ASEAN (AIPO) YANG BERMULA DI MANILA HARI INI.

DATUK SERI DR MAHATHIR BERKATA NEGARA-NEGARA MAJU JUGA MEMPUNYAI EKONOMI YANG KOMPETITIF TETAPI MEREKA BERGABUNG UNTUK MEMPERKUKUHKAN KEDUDUKAN EKONOMI MEREKA.

+KITA SEKURANG-SEKURANGNYA HENDAKLAH BEKERJASAMA BAGI MELINDUNGI KEPENTINGAN KITA,+ TAMBAH BELIAU.

SEKTOR SWASTA SEHARUSNYA DIBERI GALAKAN UNTUK MEMBERI SUMBANGAN YANG BERKESAN KE ARAH KEMAJUAN DAN KEMAKMURAN SERANTAU-.

DALAM HUBUNGAN INI, ANGGOTA-ANGGOTA PARLIMEN ASEAN PERLU MEMAINKAN PERANAN PENTING DALAM USAHA ASEAN SUPAYA NEGARA MAJU MENGAMALKAN DASAR PERDAGANGAN YANG LIBERAL, MEMBOLEHKAN BARANGAN MEREKA MENEMBUSI PASARAN, MENGADAKAN HARGA KOMODITI YANG SESUAI DAN ADIL, MENINGKATKAN KEMASUKAN SUMBER KEWANGAN DAN MERINGANKAN BEBAN NEGARA YANG MENANGGUNG HUTANG, KATA DATUK SERI DR MAHATHIR. -- LAGI.  
1518MST 22 08 89

D660

U B479 A A B  
MAHATHIR - AIPO 2 KUALA LUMPUR (EMBARGO)

(I)

BELIAU BERKATA KEDUDUKAN POLITIK DUNIA YANG BERTAMBAH BALK TIDAK SEMESTINYA AKAN MENDORONG NEGARA-NEGARA MAJU MENGUBAH SIKAP MEREKA SUPAYA PEKA KEPADA KEPERLUAN NEGARA SEDANG MEMBANGUN DALAM USAHA MEWUJUDKAN PERATURAN EKONOMI, SOSIAL DAN KEWANGAN ANTARABANGSA YANG ADIL.

+JIKA APA PUN, LANGKAH KE ARAH PENUBUHAN BLOK-BLOK EKONOMI DAN PASARAN SERANTAU HANYA AKAN MEMPERLUASKAN JURANG PERBEZAAN ANTARA NEGARA MAJU DAN NEGARA SEDANG MEMBANGUN,+ KATA PERDANA MENTERI.

MENGENAI KESELAMATAN SERANTAU, DATUK SERI DR MAHATHIR BERKATA KEPERCAYAAN DAN KEYAKINAN BERSAMA PERLU JIKA ASEAN HENDAK MENGGEMBLENGKAN USAHA BAGI MEMASTIKAN RANTAU ITU SEKALI LAGI TIDAK MENJADI MEDAN BAGI PERMUSUHAN KUASA-KUASA BESAR.

ASEAN SENDIRI TIDAK MENGGUNAKAN MUNCUNG SENJATA ATAU UGUTAN UNTUK MENGGUNAKAN KEKUATAN TENTERA BAGI MENYELESAIKAN PERBELAHAN.

+JALAN YANG AKAN DILALUI TELAH DIRENCANAKAN OLEH ASEAN DENGAN MATLAMATNYA MENJADI RANTAU ITU SEBAGAI KAWASAN AMAN, BEBAS DAN BERKECUALI (ZOPFAN),+ KATA BELIAU.

DATUK SERI DR MAHATHIR MENAMBAH KATA PENCAPAIAN SEGERA MATLAMAT ITU HENDAKLAH MENJADI MENJADI PERHATIAN UTAMA KETIKA ASEAN MEMASUKI ERA BARU DALAM KERJASAMA DAN PEMBANGUNAN SEMULA DI RANTAU ITU. -- LAGI.

1543MST 22 08 89

D806

R B487 D E B

MAHATHIR - AIPO 3 KUALA LUMPUR (EMBARGO)

(I)

MENGENAI MASALAH PELARIAN **INDOCHINA**, DATUK SERI DR MAHATHIR BERKATA **ASEAN** TIDAK HARUS SELAMA-LAMANYA DIBEBANKAN SEBAGAI NEGARA SUAKA PERTAMA **BAGI** PELARIAN KERANA MASALAH ITU MEMBERI KESAN SETEMPAT DAN SOSIAL KEPADA NEGARA **ASEAN**.

BELIAU MENEGASKAN BAHAWA **ASEAN** MEMATUHI KEPUTUSAN PERSIDANGAN ANTARABANGSA MENGENAI PELARIAN (**ICIR**) DI GENEVA PADA JUN LALU ATAS PERSEFAHAMAN BAHAWA ORANG-ORANG DI KHEMAH PELARIAN AKAN LENYAP DAN SAKI-BAKI MASALAH ITU TIDAK MEMBEBAKAN NEGARA **ASEAN**.

SPEAKER DEWAN RAKYAT TAN SRI MOHAMAD **ZAHIR ISMAIL**, YANG MENGETUAI PERUKILAN MALAYSIA KE **MESYUARAT ITU**, MENYIFATKAN TINDAKAN VIETNAM **+MENCAMPAKKAN+ RAKYATNYA SENDIRI**, YANG TIDAK DITERIMANYA, DI PANTAI NEGARA-NEGARA **JIRANNYA**, SEBAGAI TIDAK PATUT.

**+JIKA** VIETNAM BOLEH MENGHANTAR TENTERANYA MELANGGAR **KEMBOJA**, IA JUGA BOLEH MENGHALANG RAKYATNYA MENINGGALKAN **NEGARA ITU**, JIKA BERHASRAT UNTUK BERBUAT **DEMIKIAN,+** KATA BELIAU.

BELIAU BERKATA MASALAH PELARIAN MASIH MEMBEBAKAN SESETENGAH NEGARA **ASEAN** DAN JUMLAH PELARIAN YANG MENDARAT NAMPAKNYA TIDAK BERKURANGAN. -- BERNAMA.

1853MST 22 08 89

0752